

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 2, April 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Pilihan Raya Umum Ke-14 di Malaysia: Berakhirnya Era Rejim Autoritarian

Shahidah Abdul Razak[1], Ariff Aizuddin Azlan[1], Ahmad Firdaus Abdul Jalil[1]
[1]Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Correspondence: Shahidah Abdul Razak (shahidah056@ns.uitm.edu.my)

Abstrak

Pada Mei 2018, Malaysia telah menyaksikan satu gelombang perubahan yang berskala penuh iaitu apabila parti dominan autoritarian Barisan Nasional yang berusia lebih dari 60 tahun telah ditumbangkan dan ditewaskan di dalam proses demokrasi yang dikenali sebagai 'ibu segala pilihan raya'. Kemenangan yang berpihak kepada parti pembangkang Pakatan Harapan telah membuktikan bahawa gelombang perubahan politik dan proses pendemokrasian itu adalah tidak asing dan ianya mampu direalisasikan dan ianya bersifat inklusif dengan mengambil kira aspek yang merentasi masyarakat majmuk. Kajian ini mempersembahkan satu perbahasan teoretikal dengan menyelitkan pemahaman empirikal demi untuk menelusuri dengan lebih dalam terhadap perbahasan yang berpaksikan perubahan rejim dan pendemokrasian.

Kata kunci: pendemokrasian, pilihan raya umum, gelombang perubahan

The 14th General Election in Malaysia: The End of Authoritarian Regime

Abstract

On May 2018, Malaysia witnessed a full-scale wave of change when the dominant authoritarian party Barisan Nasional was defeated under the pretext of democratic process known as the "mother of all elections". The electoral victory was finally secured by the opposition party Pakatan Harapan. The outcomes suggested that the wave of political change and the democratization process were not impossible and yet inevitable and inclusive by taking into account the notion of multi-racial society. This study presents a theoretical debates by inserting an empirical comprehension so that the embedded phenomenon can be explored profoundly in regards to the ideas of regime change and democratization through election.

Keywords: democratization, general election, wave of change

Pengenalan

Di era globalisasi ini, dunia menyaksikan perkembangan pembangunan fenomena sosio-politik yang merentasi persempadanan kenegaraan dengan begitu teliti dan pantas. Fenomena globalisasi ini juga secara tidak langsung mempersembahkan satu kejituan yang abstrak di dalam usaha peralihan sesuatu idea itu, terutama sekali apabila ia melibatkan sisi kacamata politik dan kuasa. Dari titik ini juga, rata-

rata ramai ilmuwan akademik sains sosial, terutama sekali di dalam bidang seperti Sains Politik, Sosiologi, Ekonomi, dan sebagainya mendapati bahawa fenomena globalisasi itu memang akan memberikan satu implikasi yang nyata terhadap perubahan politik yang melibatkan sesuatu sistem kenegaraan itu. Ini memberikan satu pandangan yang utuh bahawa proses globalisasi itu juga boleh dijadikan sebagai pemangkin terhadap proses pendemokrasian itu. Kebanyakan negara-negara di dunia sedang mengalami perubahan sosio-politik dan perubahan rejim yang amat ketara dan malah saintis politik juga pernah berhujah bahawa gelombang pendemokrasian itu berjalan secara berperingkat dan ia bergantung kepada keadaan sesuatu sistem kenegaraan itu. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia juga tidak terlepas daripada transisi perubahan sosio-politik ini. Pada 9 Mei 2018, Malaysia telah mengadakan pilihan raya umum ke-14 (PRU14). PRU14 tersebut dikenali sebagai 'ibu segala pilihan raya' di mana ia menyaksikan kejatuhan rejim dominan autoritarian[i] Barisan Nasional (BN) yang dianggotai oleh beberapa parti politik utama seperti United Malays National Organisations (UMNO), Malaysian Chinese Association (MCA), dan Malaysian Indian Congress (MIC). Artikel ini memposisikan keberadaan rejim autoritarian secara teoretikal. Kajian ini menelusuri fenomena kejatuhan rejim autoritarian BN dengan memposisikannya secara teoretikal.

Rejim Autoritarian: Satu Kerangka Teoretikal

Sistem dan proses politik di Malaysia seringkali dikaitkan dengan pelbagai jenis takrifan yang mencakupi fenomena sosio-politik yang penuh dengan cabaran dan rintangan. Semenjak diberikan Kemerdekaan oleh pihak British pada tahun 1957, Malaysia mula mencari identiti politiknya yang tersendiri. Kesedaran tentang pentingnya politik berkerajaan mula menelusuri ragam dan tingkah-laku penduduk setempat. Acuan politik mula direalisasikan melalui persekitaran yang bersifat persaingan dengan tertubuhnya politik kepartian. Rejim dikenali sebagai satu bentuk kerajaan. Kebanyakan saintis politik berpendapat bahawa sifat sesuatu rejim itu seringkali berubah-ubah mengikut gaya dan acuan pemerintah. Michael J. Sodaro berhujah bahawa rejim autoritarian itu berkecenderungan untuk menjadi pelanggar prinsip asas hak asasi kemanusiaan.[ii] Hujah tersebut menjelaskan bahawa rejim autoritarian itu tidak disenangi dan secara tidak langsung ia bertentangan dengan falsafah demokrasi yang dianjurkan oleh Barat. Ini menjadikan ia sebagai satu titik tolak di dalam sistem pemerintahan yang didominasi oleh segelintir pihak yang mempraktikkan kekuasaan politiknya tanpa mengambil kira pendapat demokratik yang dilontarkan. Malah Sodaro juga menyatakan bahawa masih terdapat lagi pada hari ini di beberapa buah negara yang mempraktikkan sistem politik "rejim-campuran". Rejim jenis ini merujuk kepada sistem pemerintahan yang menggabungkan elemen-elemen demokrasi dan juga autoritarian.[iii]

Di dalam konteks sistem politik Malaysia, terdapat banyak perdebatan akademik yang timbul mengenai sifat semulajadi corak pemerintahan rejim. Gordon P. Means mengklasifikasikan sifat rejim di Malaysia ini sebagai "autoritarian lunak"[iv] di mana beliau berhujah bahawa telah berlaku satu modifikasi dan peralihan terhadap sistem politik yang diwarisi daripada British dari kerangka demokrasi kepada autoritarian lunak. Beliau juga mempersoalkan tentang keunggulan dan praktis demokrasi yang tidak tercapai dalam konteks kenegaraan. Hujah tersebut menguatkan lagi kerangka dan kedinamikan autoritarian itu bahawa mobilisasi sesuatu rejim itu mampu untuk mengisi ruang awam dengan nilai-nilai politik yang dibentuk. Pada era globalisasi ini, masyarakat dunia menyaksikan proses politik autoritarian itu yang masih wujud di beberapa buah negara seperti di China, Korea Utara, Vietnam, Singapura, dan juga di Malaysia. Seperti China, Korea Utara dan Vietnam, rejim di negara tersebut tidak mengamalkan sistem pilihan raya dan segala keputusan dan dasar awam didominasi oleh satu sistem yang dikenali sebagai parti tunggal. Walaupun terdapat pelbagai jenis kepartian di Malaysia yang bergerak dalam kerangka masyarakat majmuk yang berbilang kaum namun prinsip demokrasi yang seharusnya menjadi tulang belakang kenegaraan tidak mampu dicapai sepenuhnya. Di Barat, kebanyakan saintis politik mengukur tahap demokrasi dalam sesuatu rejim itu dengan mempersembahkan hujah yang bersifat kualitatif dan juga dapatan empirikal yang mampan dan dilihat mampu untuk menguatkan lagi kajian yang berkaitan dengan sifat sesuatu rejim itu di beberapa buah negara. William Case pula telah memberikan satu takrifan yang jelas terhadap sifat semulajadi rejim di Malaysia ini sebagai satu bentuk "demokrasi-palsu".[v] Case menegaskan bahawa rejim yang mempraktikkan demokrasi palsu ini mempunyai gaya yang tersendiri di mana rejim tersebut

menawarkan "lebih" kepada rakyatnya berbanding rejim autoritarian yang lain dan pilihan raya diperkenalkan dan dijalankan dan parti politik pembangkang diberikan ruang untuk bertanding walaupun ruang tersebut diasak dengan beberapa kaedah autoritarian yang tidak disenangi. Selain itu, Case juga melihat dengan lebih teliti berkenaan dengan kobolehmampuan sesuatu rejim itu untuk kekal lama berkuasa di mana beliau mendapati bahawa rejim itu diperkukuhkan kekuasaannya melalui beberapa institusi kenegaraan seperti cabang legislatif (parlimen), judisiari, dan eksekutif.[vi] Walaupun rejim menegaskan bahawa mereka bersifat demokratik dan mudah didampingi melalui sisi sosio-politik tetapi apa yang berlaku adalah disebaliknya.

Di dalam perbincangan sains sosial, perkara seperti berikut adalah merisaukan kerana bidang akademik sains politik itu sendiri meraikan keberadaan nilai-nilai demokrasi itu dan kerapkali akan menghasilkan beberapa solusi politik untuk meneutralkan rejim yang berpaksikan autoritarian itu. Di Malaysia, rejim BN berkeupayaan untuk memperkukuhkan dominasinya terhadap koridor kuasa, seperti yang dihujahkan oleh Case, melalui parlimen. Malaysia mempraktikkan sistem berparlimen yang diwarisi daripada British. Pada awalnya, parlimen adalah bersifat demokratik tetapi lama-kelamaan sistem tersebut mula dipacu ke arah yang bertentangan. Rejim BN mengekalkan dominasinya di dalam parlimen melalui proses pilihan raya yang dijalankan dari semasa ke semasa. Berpaksikan strategi etnik dan pembangunan, rejim BN berjaya mengawal kuasa politik dan mengatur langkah politik dengan menafikan kejayaan pihak kepembangkangan, sama ada di peringkat nasional dan juga negeri. Andreas Schedler pula membangkitkan satu hujah yang agak kritikal terhadap hubungan di antara proses pilihan raya dan juga sifat semula jadi rejim. Beliau mengatakan bahawa pilihan raya itu boleh berfungsi sebagai manipulasi autoritarian dan juga kejayaan demokrasi dan dalam erti kata lain, pilihan raya telah menjadi sebagai satu perkakas (instrument) autoritarian.[vii] Ini menjelaskan lagi perihal bahawa kesinambungan autoritarian itu bergantung kepada kaedah yang digunapakai oleh rejim demi untuk menampung tuntutan politik semasa. Schedler juga memberi satu klasifikasi yang dikenali sebagai "rejim autoritarian pilihan raya"[viii] dan rejim ini mempamerkan satu bentuk persaingan yang amat ketara di antara rejim yang memerintah dan parti kepembangkangan. Jikalau demokrasi itu merujuk kepada sesuatu sistem di mana parti politik kalah di dalam pilihan raya, manakala "autoritarian pilihan raya" itu merujuk kepada sistem di mana parti pembangkang 'kalah' di dalam pilihan raya. Hujah tersebut memberikan satu pandangan yang berbeza. Dalam erti kata lain, rejim autoritarian itu dilihat mampu untuk mengawal kesan politik yang terhasil daripada pilihan raya yang dijalankan apabila rejim kerap kali memenangi pilihan raya.

Bagi negara yang tidak mengamalkan sistem pilihan raya, sifat semulajadi autoritarian itu jelas ketampakan di mana segala dasar kenegaraan diputuskan oleh segelintir pihak yang memegang tampuk kekuasaan dan pemusatan kuasa itu bersifat lebih eksklusif. Ini menjadikan proses pendemokrasian itu terbantut dan tidak mempunyai masa depan. Steven Levitsky dan Lucan A. Way memberi satu gambaran empirikal bahawa pada pasca-Perang Dingin, dunia telah menyaksikan percambahan rejim yang bersifat kacukan (hybrid).[ix] Mereka mewujudkan satu kategori baru di dalam usaha untuk mendekati rejim dari sudut akademik di mana rejim tersebut dikenali sebagai "rejim persaingan autoritarian (competitive authoritarian regime)".[x] Di dalam rejim ini, mereka berhujah, bahawa institusi rasmi demokratik dilihat sebagai satu langkah yang berprinsip untuk mencapai dan mempraktikkan kekuasaan politik. Di samping itu, rejim juga berpotensi untuk melanggar nilai-nilai murni yang terdapat dalam pemahaman demokrasi sehinggakan rejim tersebut menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap demokrasi yang ditetapkan secara konvensional. Merujuk kepada kerangka tersebut, Malaysia tergolong di bawah tafsiran ini. Levitsky dan Way menjelaskan dengan lebih terperinci dan memberikan beberapa kriteria yang membezakan di antara rejim demokratik dan rejim autoritarian. Rejim demokratik itu terhasil apabila; (1) Badan eksekutif dan legislatif dipilih melalui sistem pilihan raya yang adil dan bebas; (2) Kesemua orang dewasa mempunyai hak untuk mengundi; (3) Hak untuk berpolitik dan kebebasan sivil, termasuk kebebasan media, kebebasan berpersatuan, dan kebebasan untuk mengkritik kerajaan tanpa pembalasan, adalah dilindungi; (4) pihak berkuasa yang dipilih melalui pihan raya mempunyai kuasa yang sebenar untuk mentadbir negara dan bukannya di bawah pengaruh ketenteraan dan sebagainya.[xi] Dan rejim autoritarian itu pula terhasil apabila kriteria-kriteria demokratik yang diketengahkan itu dilanggar dan disalahguna dengan matlamat politik. Di Malaysia, walaupun sifat rejim tempatan itu tidak mencapai sehingga ke tahap autoritarian penuh, seperti di China dan Korea Utara, tetapi ada beberapa elemen autoritarian lunak yang perlu dikenalpasti untuk

membolehkan Malaysia diklasifikasikan sebagai "rejim persaingan autoritarian". Dalam kerangka ini, kebanyakan parti politik di Malaysia, sama ada di pihak kerajaan ataupun pembangkang, pilihan raya dijadikan sebagai satu arena untuk perebutan kuasa. Malaysia mengamalkan sistem persekutuan dan secara tidak langsung, kuasa politik terbahagi kepada dua iaitu di peringkat persekutuan dan juga negeri. Implikasi daripada sistem persaingan rejim pilihan raya, terdapat beberapa kes yang memberi ruang kepada pihak kepembangkangan untuk menafikan rejim BN, seperti contoh apabila Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merampas negeri Kelantan daripada rejim BN pada tahun 1990 dan juga kejatuhan Terengganu kepada PAS pada tahun 1999. Pada tahun pilihan raya umum 2008, apabila rejim BN kehilangan majoriti dua pertiga di parlimen, telah menguatkan lagi hujah bahawa Malaysia kekal tergolong dalam sistem rejim pilihan raya persaingan.

Rejim Autoritarian Sebelum PRU14

Menurut William Case, sistem politik Malaysia mempamerkan struktur "separa-demokrasi" dan tekanan yang diberikan oleh rejim adalah rendah berbanding rejim autoritarian di Singapura.[xii] Walaubagaimanapun ada beberapa isu kritikal yang perlu diberikan perhatian akademik berkenaan dengan pembabitan rakyat terhadap proses politik di Malaysia. Kewujudan proses pilihan raya dan parti politik sepatutnya menguatkan lagi andaian bahawa Malaysia beroperasi dalam kerangka rejim yang bersifat demokratik. Malang sekali, kriteria demokratik yang ditetapkan masih tidak dipenuhi sepenuhnya. Dalam arus persaingan kepartian, terdapat banyak elemen-elemen campurtangan sama ada secara langsung dan tidak langsung. Perlembagaan Persekutuan 1957 menggariskan tentang perhubungan di antara rakyat dan kerajaan dan secara amnya falsafah kenegaraan meraikan ruang demokrasi dan rakyat bebas untuk bergelagat secara politik dan pada waktu yang sama tidak melanggar nilai-nilai kemanusiaan. Dari semasa ke semasa, kedudukan rejim BN dikukuhkan melalui institusi demokratik yang diwarisi dari pemerintahan kolonial dan seterusnya institusi tersebut dicorakkan melalui gaya dan idea rejim yang tersendiri. Melihat dari sisi ini, Case berhujah bahawa UMNO sebagai satu parti elit yang kukuh menggunakan pengaruh mereka yang berstatus "Melayu" dan seterusnya mendominasi negara melalui peranan yang dimainkan oleh orang Melayu melalui kerangka birokrasi.[xiii] Menariknya, pengukuhan rejim kebanyakannya bergantung kepada faktor-faktor seperti politik ekonomi, pembangunan, etnik politik dan sebagainya. Seperti contoh, sebagai parti yang dominan, UMNO dilihat mampu untuk mengekalkan keseimbangan etnik politik melalui konsesi dan geran yang diberikan demi untuk mengukuhkan perkongsian kuasa yang wujud di antara kaum terutama sekali seperti MCA dan MIC. Hegemoni Melayu atau UMNO yang dikukuhkan melalui program politik ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilihat sebagai satu faktor yang menjadi pemangkin terhadap pengekalan kekuasaan yang merentasi aspek penginstitusian. Jadi ini akan memberikan kelebihan secara langsung terhadap rejim pemerintah di mana corak pemikiran di peringkat akar umbi mula dikawal dan proses indoktrinisasi berlangsung dengan jayanya. Kesan daripada ini, rejim pemerintah berjaya memperolehi kemenangan bergaya di dalam setiap pilihan raya yang dijalankan. Tetapi apa yang berlaku pada tahun 2008 jelas menampakkan penyusutan terhadap rejim yang berkuasa di mana tesis pendemokrasian mula untuk mengorak langkah di dalam kerangka autoritarian.

Rejim BN buat pertama kalinya gagal untuuk mengekalkan dominasi dua pertiga di dalam parlimen dan kehilangan beberapa buah negeri ke tangan parti pembangkang seperti Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, dan Kelantan. William Case mentafsirkan fenomena ini sebagai satu peralihan daripada dominasi parti tunggal kepada satu sistem parti yang lain dan beliau juga berpendapat bahawa pengundi bukan-Melayu mula untuk mengabaikan rejim BN.[xiv] Implikasi daripada itu adalah jelas di mana parti pembangkang seperti Parti KeADILan Rakyat (PKR), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dan Democratic Action Party (DAP) membentuk satu gabungan 'tidak rasmi' yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR) sejurus selepas berakhirnya PRU ke-12, 2008. Walaupun sebelum ini pernah wujud gabungan politik yang melibatkan DAP dan PAS tetapi ianya tidak bertahan lama kerana percanggahan ideologi yang amat ketara di antara kedua-dua parti tersebut. Tetapi pada pasca-2008, PAS dan DAP mula meletakkan perbezaan ideologi mereka ke tepi dan memberi laluan kepada satu penyatuan idea di antara parti komponen yang dikira sebagai usaha politik untuk menghadapi rejim autoritarian BN. Rata-rata pemerhati politik melihat implikasi PRU2008 itu sebagai 'Tsunami Cina' di

mana peralihan undi bukan-Melayu melibatkan pengundi Cina dan India yang sangat ketara daripada BN kepada parti pembangkang telah berlaku. Dalam erti kata lain, ada yang berhujah bahawa implikasi PRU2008 memberi satu petanda awal bahawa politik berasaskan perkauman telah mati. Ini jelas memberikan satu isyarat bahawa popularity rejim BN semakin merosot dan PR mula diberikan perhatian yang meluas. Diketuai oleh bekas timbalan perdana menteri yang pernah dipecat dari kabinet dan dipenjarakan semasa zaman Dr. Mahathir iaitu Anwar Ibrahim dan ternyata PR memberikan persaingan yang amat sengit terhadap rejim autoritarian. Kejatuhan beberapa negeri ke tangan PR dilihat sebagai satu peluang keemasan untuk membuktikan dasar dan polisi yang diambil oleh mereka demi untuk merealisasikan agenda politik pembangunan. Dengan itu, rakyat akan dapat melihat dan mengukur sejauh mana kemampuan PR untuk mentadbir kerajaan negeri. Walaubagaimanapun, rejim autoritarian melihat prestasi PR ini sebagai satu ancaman dan kebanyakan jentera kerajaan dikerahkan untuk mengukuhkan lagi kedudukan rejim autoritarian di mata rakyat. Seperti contoh, negeri Selangor dan Pulau Pinang yang ditadbir oleh kerajaan negeri PR seringkali diserang melalui lidah rasmi rejim BN iaitu Utusan Malaysia dan juga di beberapa siaran langsung seperti TV1, TV2, dan TV3. Isu yang bersifat kenegerian juga seringkali dipaparkan demi untuk menggambarkan bahawa kerajaan negeri PR tidak cekap untuk mentadbir berbanding rejim BN yang menguasai segala jenis sumber. Sepanjang tempoh dari 2008 hingga 2013, telah berlaku 16 pilihan raya kecil (PRK) di peringkat parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri (DUN). Rejim autoritarian dilihat tergugat apabila PR berjaya meraih kemenangan di dalam beberapa siri PRK di peringkat parlimen. Seperti yang pernah dihujahkan, kemenangan PR dan PAS di dalam PRK Parlimen Kuala Terengganu pada 2009 telah meningkatkan semangat parti kepembangkangan dan secara tidak langsung telah meningkatkan keyakinan PAS untuk merampas Terengganu semula daripada BN.[xv] Ini jelas menggugat kedudukan rejim BN terutama sekali apabila PR dilihat meraih lebih ramai penyokong di peringkat akar umbi. Bukan setakat itu, malah popularity Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi ketika itu juga jatuh merudum dan berlakunya peralihan kuasa apabila Abdullah menyerahkan tampuk kepimpinan kepada Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-6.

Semenjak itu, bermula lah era baru rejim pemerintahan yang penuh dengan elemen-elemen autoritarian. Rejim autoritarian juga telah membuktikan hegemoni politik mereka apabila mereka berjaya merampas dan menawan kembali kerajaan negeri Perak daripada PR pada tahun 2009 walaupun ramai pemerhati politik yang mengganggap krisis tersebut sebagai usaha kejuruteraan sosial rejim autoritarian. Pada PRU13, 2013, parti pembangkang PR gagal untuk menguasai kerajaan persekutuan walaupun secara teorinya mereka telah memenangi undi popular yang mengatasi rejim BN. Pasca-2013 memperlihatkan di mana rejim BN mula untuk mengukuhkan posisi dan kedudukan mereka sebagai rejim yang mampu untuk mentadbir. Keharmonian di antara parti komponen PR mula terhakis dan pergeseran ideologi mula mengambil tempat dan percakaran di anatara pemimpin parti kerap berlaku. PR menjadi terkesan apabila kehilangan dua orang tokoh yang paling disegani dan lantang menjuarai isu rakyat iaitu Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (bekas Mursyidul Am PAS) dan Karpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor dari DAP) meninggal dunia disebabkan sakit dan kemalangan. Selain itu, keputusan yang diambil oleh Mahkamah untuk memenjarakan Anwar berikutan kes liwat 2 memberikan satu tamparan yang amat hebat terhadap mobilisasi parti kepembangkangan. Anwar dilihat sebagai satu simbol penyatuan di antara ketiga-tiga parti di dalam PR. Ini menjadikan rejim BN lebih yakin untuk menghadapi PRU ke-14 yang dijadualkan akan berlangsung pada 2018. Pergeseran ideologi di antara DAP dan PAS menjadi ketara dan perpecahan dalaman mula berlaku. PAS mula mengambil inisiatif tersendiri untuk menghadapi PRU akan datang walaupun terdapat tentangan dalaman daripada sekumpulan ahli yang digelar sebagai kumpulan "progresif dan professional" seperti Mohammad Sabu, Salahuddin Ayub, Husam Musa, Mujahid Yusof Rawa, Hatta Ramli, Khalid Samad dan lain-lain lagi. Akibat dari pergeseran ideologi yang berlaku di antara golongan progresif dan golongan ulama' yang mendominasi kepimpinan di dalam PAS, maka berlaku perpecahan apabila golongan progresif tersebut menubuhkan parti baru iaitu Parti Amanah Negara (AMANAH) pada September 2015.[xvi] AMANAH menggelarkan diri mereka sebagai satu parti Islam yang bersifat sederhana dan inklusif dan juga sebagai satu landasan baru untuk menggantikan PAS di dalam konteks politik Malaysia. Melihat kepada situasi politik tempatan yang semakin kritikal dan juga melibatkan perpecahan dalaman di antara parti, satu idea mengenai gagasan politik baru kepembangkangan telah di ambil. PKR, DAP, dan AMANAH telah sebulat suara untuk menubuhkan

satu pakatan baru yang dipanggil Pakatan Harapan (PH) untuk menggantikan PR. Perbezaan kali ini adalah PH ditubuhkan tanpa melibatkan PAS.

Persaingan di antara kepartian menjadi semakin sengit dan isu yang melibatkan prestasi rejim kerajaan dibangkitkan sama ada di dalam parlimen mahupun di luar parlimen yang melibatkan diskusi melalui media sosial dan sebagainya. Pada April 2015, rejim BN membuat satu keputusan ekonomi yang drastik dengan mengenalkan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) sebanyak kadar enam peratus dan ini membangkitkan kemarahan dan perdebatan awam yang sangat luas. Majoriti penduduk di Malaysia berstatus golongan pertengahan (middle-class) dan keputusan tersebut secara tidak langsung memberikan kesan secara langsung terhadap rakyat seperti kenaikan harga barang dan kos sara hidup. Walaupun justifikasi demi justifikasi telah diberikan oleh rejim BN untuk mengawal keadaan namun ternyata kebanyakan rakyat menilai prestasi rejim kerajaan di laman sosial dengan gaya yang tersendiri. Tambahan pula, di tengah kepesatan arus globalisasi, secara tidak langsung segala jenis maklumat dapat disampaikan dengan mudah kepada rakyat melalui beberapa medium sosial dan ini secara tidak langsung telah dijadikan sebagai pemangkin terhadap pemikiran rakyat untuk berfikir dengan lebih kritikal. Di samping itu, isu seperti korupsi dan skandal yang melibatkan pemimpin tertinggi negara mula menjadi perhatian luas. Malaysia menyaksikan isu 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagai satu skandal politik ekonomi yang terbesar di dalam sejarah politik tempatan. Pada awalnya, skandal 1MDB ini dibangkitkan di parlimen tetapi kebanykan persoalan kritikal mengenainya telah ditepis oleh rejim autoritarian melalui institusi berparlimen. Skandal 1MDB dipercayai melibatkan beberapa pemimpin yang terkemuka dari kalangan BN dan sebarang usaha untuk menyiasat beberapa unsur negatif yang terpalit dengan skandal tersebut telah berjaya dipatahkan oleh rejim BN dengan menukarkan beberapa pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke sektor kerajaan lain dan sebagainya.

Beberapa tahun sebelum PRU14 dijalankan, rejim BN merancakkan lagi strategi autoritarian mereka. Kebanyakan suara-suara yang berbentuk kritikal terhadap pentadbiran Najib Tun Razak telah dibendung secara langsung. Seperti yang dihujahkan oleh Lim Kit Siang dari DAP, beliau berpendapat bahawa portal berita seperti *The Malaysian Insider* (TMI) telah menjadi mangsa rejim autoritarian.[xvii] Portal tersebut disekat daripada terus beroperasi dan ini secara tidak langsung menyebabkan orang ramai menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan isu-isu yang terpalit dengan rejim pemerintah. Laporan akhir 1MDB yang sepatutnya dibentangkan di parlimen telah diklasifikasikan dan diletakkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA)[xviii] dan ini menimbulkan keraguan terhadap proses politik yang sepatutnya bersifat terbuka tetapi telah menjadi sebahagian daripada percaturan autoritarian yang cuba untuk menyembunyikan kandungan laporan tersebut daripada pengetahuan orang ramai. Stephan Giersdorf dan Aurel Croissant berhujah bahawa sistem persaingan autoritarian adalah satu bentuk rejim yang berbekalkan elemen-elemen demokrasi.[xix] Kewujudan masyarakat sivil di Malaysia menunjukkan bahawa demokrasi itu sesungguhnya memainkan peranan yang tersendiri walaupun tidak luas sepenuhnya. Ini adalah selari dengan hujah yang ditekankan oleh Giersdorf dan Croissant bahawa gerakan kepembangkangan seperti masyarat sivil berpeluang untuk mengadakan protes awam dan mengkritik rejim pemerintah. Malang sekali, dari perspektif rejim pemerintah, proses kritikan yang dibentuk oleh masyarakat sivil tidak diraikan dengan begitu baik. Seperti contoh, rejim pemerintah mengenakan tindakan OSA ke atas Rafizi Ramli dari PKR kerana membocorkan kandungan laporan 1MDB. Ini menimbulkan satu persoalan fundamental bahawa sejauh manakah rejim autoritarian akan mengenakan tekanan politik terhadap suara awam. Akibat dari kritikan masyarakat yang memuncak, percaturan dalaman rejim pemerintah mula goyah terutama sekali di dalam UMNO. Beberapa pemimpin tertinggi seperti Tun Dr. Mahathir, Muhyiddin Yassin, Shafie Apdal, dan Mukhriz Mahathir mula bertingkah-laku kritikal terhadap pentadbiran Najib Tun Razak. Mereka mempersoalkan tentang ketelusan kerajaan di dalam menghadapi isu korupsi terutama sekali melibatkan kemasukan USD 700 juta ke dalam akaun Najib. Kebanyakan mempercayai bahawa jumlah tersebut mempunyai kaitan yang rapat dengan skandal 1MDB. Rentetan daripada itu, rejim autoritarian mengambil langkah drastik dengan menyingkirkan mereka yang kritikal daripada kabinet dan posisi kerajaan pada Julai 2016 dan Dr. Mahathir pada Februari 2016 telah mengisyitiharkan untuk keluar daripada UMNO.[xx] Akibat dari peristiwa itu, satu parti baru ditubuhkan pada Januari 2017 yang bernama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Parti tersebut meletakkan matlamat utama mereka iaitu untuk mennggantikan UMNO dalam konteks perebutan undi Melayu-

Islam. Dalam pada waktu yang sama, PPBM juga menjadi sebahagian daripada parti komponen PH dan di atas perbincangan sesama pemimpin atasan, mereka berpendapat bahawa Dr. Mahathir adalah layak untuk dijadikan sebagai calon perdana menteri sekiranya PH dapat menguasai Putrajaya. Walaupun terdapat pelbagai kecaman berkenaan dengan keputusan itu tetapi agenda untuk menjatuhkan rejim autoritarian tetap diteruskan.

Persaingan di antara PH dan rejim BN dilihat semakin sengit dan kebanyakan rakyat mula didekati dari pelbagai aspek demi untuk mewujudkan kesedaran politik pendidikan berkenaan dengan fenomena yang berlaku di sekeliling mereka. Menyedari tentang hal ini, rejim BN mengatur langkah yang drastik demi untuk memastikan kesinambungan mereka di dalam PRU akan datang. PPBM telah diberikan amaran oleh Persatuan Pendaftar (RoS) untuk dibubarkan di mana kebanyakan ramai yang berpendapat bahawa usaha itu didalangi oleh rejim untuk memastikan mobilisasi PH dan PPBM dapat digagalkan sebelum PRU. Fenomena tersebut telah melengkapkan tesis rejim autoritarian di mana pilihan raya yang diadakan adalah satu mekanisme bagi rejim pemerintah untuk menafikan kejayaan parti pembangkang daripada koridor kekuasaan. Malah institusi seperti parlimen juga dikawal sepenuhnya oleh rejim autoritarian di mana soalan yang berkaitan dengan 1MDB tidak dibenarkan untuk dibahaskan oleh Speaker dan ini mengakibatkan parti pembangkang bersifat lebih agresif dengan menggunakan saluran media sosial untuk menyebarkan maklumat tentang ketidaktelusan rejim pemerintah. Rejim BN menyedari bahawa media sosial adalah saluran alternatif bagi orang ramai untuk mendapatkan maklumat dan malah pernah memberi amaran terhadap mereka yang terlibat menyiarkan berita palsu tentang skandal 1MDB.

Kemuncak kepada persaingan perebutan kuasa di antara rejim BN dan PH menemui jalan keluar apabila Najib membubarkan parlimen pada bulan April 2018 dan memberikan laluan untuk mengadakan PRU pada 9 Mei 2018. Di saat-saat akhir sebelum PRU diadakan, rejim BN mengorak langkah politik mereka yang tersendiri di mana mereka berjaya mendapatkan kelulusan daripada parlimen untuk proses persempadanan semula di beberapa kawasan pilihan raya yang terpilih. Kedua, rejim BN juga berjaya mendapatkan kelulusan parlimen untuk meratifikasi Rang Undang-Undang (RUU) Akta Anti-Berita Palsu. Pihak PH dan kebanyakan orang ramai berpendapat bahawa RUU tersebut adalah sebagai salah satu strategi rejim autoritarian untuk menutup tentang salah laku dan korupsi yang berkaitan dengan skandal 1MDB. Selain itu, semasa tempoh berkempen, Malaysia menyaksikan peperangan manifesto yang terbesar sekali di antara parti politik yang bertanding. Rejim BN mengambil peluang keemasan ini untuk memancing undi dengan menawarkan politik pembangunan yang tiada tolok bandingnya. Insentif berkaitan dengan tawaran dan bantuan kewangan giat diperluaskan dan segala jenis janji politik mula ditaburkan. Dari perspektif pembangunan, usaha tersebut adalah satu kelebihan yang berganda kepada rejim autoritarian di mana kerajaan pemerintah mempunyai akses yang luas dari segi kewangan, media dan jentera. Ini menjadikan strategi mobilisasi PH ditinggalkan jauh di belakang kerana dinafikan ruang awam seperti surat khabar, slot di dalam televisyen, dan peraturan pilihan raya yang amat ketat seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan media sosial seperti Facebook, Twitter, Wassap, YouTube, dan lain-lain lagi telah dijadikan sebagai pilihan terakhir dan pendekatan yang utama untuk mendekati pengundi yang berbilang kaum terutama sekali pengundi muda yang dilihat mampu untuk menjadi pemangkin terhadap proses pendemokrasian. Pada detik-detik terakhir sebelum hari pengundian, proses berkempen giat dijalankan. Dr. Mahathir menyampaikan amanat beliau di Langkawi dan pada waktu yang sama Najib Tun Razak juga menyampaikan pesanan beliau yang terakhir kepada seluruh pengundi di Malaysia.

Keputusan PRU14, 2018 di Malaysia: Satu Analisis

PRU14 telah diadakan pada 9 Mei 2018. Keputusan tersebut adalah satu keputusan yang bersejarah sekali di mana buat pertama kalinya di dalam sejarah politik tempatan rejim BN berjaya dinafikan kemenangannya di peringkat nasional dan negeri. Parti komponen PH berjaya mengatasi rejim BN di peringkat persekutuan dan merampas beberapa buah negeri dari rejim BN.

Jadual 1: Keputusan PRU-14 di Malaysia

Parti Bertanding	Jumlah Kerusi Dimenangi (Parlimen)	Jumlah Kerusi Dimenangi (Dewan Undangan Negeri)
BN	79	166
Pakatan Harapan (PH)*	121	247
PAS	18	90
Bebas	3	0
Lain-lain	1	2
Jumlah	222	505

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2018)
*Untuk tujuan pengiraan, PH merangkumi parti-parti seperti PKR, DAP, PPBM, AMANAH dan WARISAN.

Parti komponen PH (PKR, DAP, AMANAH, dan PPBM) berjaya menamatkan era pemerintahan dan dominasi rejim autoritarian BN dalam sekelip mata. PH berjaya meraih sebanyak 121 kerusi parlimen manakala rejim BN pula hanya dapat mengekalkan 79 kerusi parlimen dan PAS berjaya meraih sebanyak 18 kerusi parlimen. Di peringkat negeri pula, PH berjaya merampas Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, dan Sabah. Manakala Sarawak, Pahang, dan Perlis masih berjaya dikekalkan oleh rejim BN dan PAS berjaya mengekalkan Kelantan dan merampas Terengganu daripada rejim BN. Sesungguhnya keputusan PRU14 tersebut dilabelkan oleh pemerhati politik sebagai satu "Tsunami Rakyat" yang berbilang kaum dan sebulat suara menolak pemerintahan rejim autoritarian. Walaupun pada awalnya terdapat beberapa analisis dan pendapat yang mengatakan bahawa rejim BN akan mengekalkan kemenangan mereka tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Di bahagian selatan semenanjung seperti Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan sememangnya tidak dijangkakan akan jatuh ke tangan PH kerana negeri-negeri tersebut lazimnya dikenali sebagai "simpanan-tetap" rejim BN, seperti di Sarawak dan Sabah, kerana terdapat peratusan pengundi luar bandar yang agak tinggi terutama sekali di kawasan-kawasan yang sinonim dengan program rancangan FELDA. Di pihak PAS pula, gelombang hijau mendominasi corak gelagat pengundi di pantai timur. Pengundi di Terengganu terutama sekali menolak pemerintahan rejim BN dengan memberikan undi mereka kepada PAS. Sebelum PRU14, PAS mengambil satu keputusan politik yang agak berbeza dan drastik di mana mereka memilih untuk bergerak secara bersendirian di luar kerangka PH.

Sungguhpun begitu, parti Islam tersebut mampu untuk meningkatkan undi mereka di blok pantai timur yang kebanyakan pengundi di sana adalah majoriti orang Melayu. Berdasarkan keputusan tersebut, ia jelas menunjukkan bahawa penerimaan PAS di pantai barat semenanjung tidak memberangsangkan kerana pengundi beranggapan bahawa PH adalah satu alternatif politik yang muktamad. Di Sabah pula, parti yang baru muncul di persada politik Malaysia yang dikenali sebagai Parti Warisan Sabah (WARISAN) yang diterajui di bawah kepimpinan Shafie Apdal berjaya menafikan prestasi rejim BN dan sekaligus membentuk kerajaan negeri Sabah. Pada 10 Mei keesokan paginya, Najib Tun Razak mengadakan sidang akhbar untuk mengiktiraf keputusan PRU tersebut dan sekadar memberitahu bahawa UMNO masih lagi kekal sebagai parti tunggal yang banyak memenangi jumlah kerusi parlimen. PRU14 berlangsung dalam suasana yang aman walaupun terdapat banyak kekangan yang dihadapi oleh PH tetapi ianya tidak melibatkan sebarang pertumpahan darah dan senjata seperti apa yang pernah berlaku di negara-negara membangun yang lain. Ia juga jelas memberikan satu gambaran umum bahawa rata-rata pengundi di Malaysia masih lagi mengekalkan adat dan tradisi sosio-politik di mana mereka sedar dan faham hanya proses pilihan raya sahaja yang boleh bertindak sebagai landasan yang boleh digunapakai untuk memastikan perubahan dan peralihan rejim autoritarian itu dapat direalisasikan. Secara tidak langsung keputusan PRU14 tersebut meningkatkan lagi indeks pendemokrasian di Malaysia ini di mana sistem persempadanan yang digunapakai oleh rejim BN ternyata tidak terhasil dan undian yang diberikan kepada PH mengatasi strategi rejim autoritarian yang berkecenderungan untuk mengubah geografi pilihan raya.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 2, (page 90 - 101), 2019

Implikasi PRU14: Berakhirnya Rejim Autoritarian?

Jelas sekali teori pendemokrasian mula memenuhi ruang awam sejurus selepas rejim BN ditumbangkan. Sesungguhnya keputusan PRU tersebut adalah di luar jangkaan pemerhati politik tempatan dan antarabangsa di mana perubahan rejim, peralihan daripada autoritarian ke demokrasi, berlaku dengan amat pantas dan tanpa melibatkan sebarang keganasan pilihan raya dan kejayaan demokrasi tersebut direalisasikan melalui peti undi yang seringkali disalahguna oleh rejim pemerintah. Walaupun PRU tersebut diselimuti dengan satu suasana persaingan yang amat sengit sekali terutama sekali apabila perancangan autoritarian dilihati mendominasi setiap penjuru perlawanan tetapi keputusan tetap memihak kepada parti gabungan PH. Ini jelas menandakan bahawa majoriti rakyat dan pengundi sebulat suara untuk memberikan mandat terhadap PH untuk membentuk kerajaan persekutuan baru di Malaysia. Ini secara tidak langsung mewujudkan satu persoalan yang kritikal iaitu adakah rejim autoritarian BN benar-benar telah berakhir eranya.

Ong Kian Ming di dalam kajiannya berkenaan dengan rejim parti autoritarian yang dominan telah berhujah bahawa kebanyakan rejim autoritarian cenderung untuk menggunakan strategi pecah dan perintah terutama sekali kepada parti kepembangkangan.[xxi] Dan pada waktu yang sama pula strategi tersebut dianggap sebagai satu tindak balas yang responsif di mana rejim autoritarian dapat mengukuhkan dominasi mereka terhadap politik tanah air. Beliau juga menambah bahawa di dalam konteks Malaysia, walaupun parti kepembangkangan mempunyai kuasa veto yang mampu untuk membawa negara menuju ke arah reformasi institusi tetapi ianya tergantung di tengah-tengah.[xxii] Artikel ini mengkritik dapatan Ong dengan menegaskan bahawa prospek untuk pendemokrasian di Malaysia ini perlu diberikan perhatian semula dan mendalam. Walaupun angin pendemokrasian itu seakan-akan ada dan jikalau diteliti kembali melalui prestasi kepartian yang bertanding di dalam pilihan raya umum semenjak 2008 namun keputusan Mei 2018 telah menyangkal segala perspektif sosio-politik yang mengatakan bahawa rejim autoritarian akan selama-lamanya mendominasi politik tempatan. Keputusan tersebut telah memberikan satu nafas baru terhadap teori perubahan politik yang mempunyai kaitan rapat dengan perubahan kepimpinan di peringkat nasional dan negeri. Semenjak bermulanya penulisan artikel ini, terdapat beberapa perkembangan politik yang melibatkan reformasi institusi, perubahan gelagat berparlimen, isu-isu dalaman kepartian, dan lain-lain lagi.

Dengan hanya penguasaan 79 kerusi parlimen oleh parti gabungan BN ternyata memberikan beberapa kesan yang amat ketara terhadap kestabilan parti terutama sekali UMNO yang dilihat sebagai satu kenderaan sosio-politik yang mewakili suara orang Melayu. Walaupun satu ketika dahulu UMNO pernah berhujah bahawa mereka mempunyai ahli seramai tiga juta orang namun itu dilihat sebagai bukan satu faktor yang kukuh untuk membantu menyelamatkannya dari kekalahan pilihan raya yang dialaminya. Sejurus selepas kejatuhan rejim BN di dalam PRU, bekas perdana menteri Najib Tun Razak meletakkan jawatannya sebagai presiden UMNO dan beberapa bulan selepas itu pemilihan parti UMNO berlangsung dan bekas timbalan perdana menteri Ahmad Zahid Hamidi dipilih melalui undi sebagai presiden UMNO. Walaupun terdapat banyak perdebatan awam yang mengatakan bahawa terdapat calon lain yang lebih layak dan berwibawa untuk dijadikan sebagai presiden namun itu tidak bererti bahawa UMNO dan BN mampu untuk meraih kembali sokongan mereka dalam konteks dan skala kemasyarakatan yang besar. Sejurus selepas PH mengambil alih kerajaan pusat dan Dr. Mahathir diangkat sebagai perdana menteri yang ke-7 dan usaha untuk mereformasi institusi giat dijalankan apabila isu-isu politik dan skandal yang melibatkan kewangan negara mula diberikan perhatian yang sepenuhnya oleh kerajaan baru. Pihak berkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Malaysia (SPRM) diberikan kuasa sepenuhnya untuk membuka dan menyiasat semula skandal 1MDB yang menjadi perhatian dan perbualan antarabangsa. Serbuan demi serbuan dijalankan oleh pihak berkuasa untuk membongkar kembali aliran duit yang terlibat dengan skandal tersebut. Seperti contoh, serbuan yang melibatkan rumah Najib Tun Razak telah menggemparkan seluruh negara apabila pihak berkuasa menemui wang tunai yang berjumlah jutaan ringgit, barang kemas, dan beberapa barangan mewah yang lain.

Rentetan itu, beliau dan isteri beliau Rosmah Mansor telah dihadapkan ke mahkamah dan disabitkan dengan beberapa pertuduhan yang membabitkan penggelapan wang dan sebagainya. Beberapa anggota BN yang lain dan beberapa bekas kakitangan kerajaan yang berpangkat tingggi juga mula dihadapkan

ke mahkamah kerana disyaki terlibat dengan kegiatan wang haram. Situasi ini mewujudkan satu perdebatan awam di mana rakyat mula mengambil serius dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Perubahan corak kepimpinan di peringkat persekutuan memberikan satu petanda sosio-politik yang sangat signifikan di mana perbincangan politik yang bersifat kritikal dalam konteks awam tidak lagi mempunyai sempadan dan batasan dan orang ramai lebih bersifat terbuka dan berani untuk menyatakan pandangan mereka berkaitan dengan isu semasa. Ini adalah satu perkembangan positif yang tidak dapat dikecapi semasa pemerintahan rejim autoritarian dahulu dan pasca-Mei 2018 mewujudkan satu budaya politik yang baru iaitu politik segar yang memupuk orang ramai untuk menjadi sebahagian daripada 'sistem'. Dalam hanya tempoh beberapa bulan sahaja dari PRU14, terdapat banyak perubahan yang drastik yang melibatkan kepimpinan UMNO/BN. Jelas sekali Ahmad Zahid mewarisi parti Melayu tersebut di dalam keadaan dan suasana yang tidak memberangsangkan.

Beberapa ahli parlimen (MP) UMNO mula keluar dari parti dan mengisytiharkan diri mereka sebagai bebas. Kajian ini juga mewujudkan satu andaian kualitatif bahawa fenomena tersebut memberikan satu petanda awal bahawa parti terbesar Melayu tersebut mula untuk menjadi tidak relevan di dalam konteks "Malaysia Baru" yang berbilang kaum. Malah MP Jeli dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Lanas seperti Mustapa Mohamed (Tok Pa) yang dikenali ramai sebagai seorang sosok yang begitu berpengaruh sekali telah memilih untuk meninggalkan UMNO dan menyertai BERSATU. Walaupun tindakan Tok Pa itu dikecam oleh segelintir pihak yang mahu memastikan agar PH tidak dianggotai oleh bekas pemimpin UMNO tetapi ia juga memberikan satu kebaikan di peringkat negeri di mana Tok Pa secara tidak langsung telah menjadi satu-satunya wakil tunggal kerajaan persekutuan di DUN Kelantan. Di Sarawak pula, keputusan PRU14 ternyata memberikan kesan yang amat dalam. Seperti yang pernah dihujahkan oleh Wilson Woon, sistem politik di Sarawak diklasifikasikan sebagai "parti tunggal yang mendominasi" iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB)[xxiii] dan beliau juga berpendapat bahawa golongan elit di Sarawak diperkukuhkan kuasanya melalui edaran penaung (*political patronage*) dan prospek untuk perubahan politik di Sarawak tidak mungkin akan berlaku. Implikasi PRU14 ini telah menyanggah hujah yang dibawa oleh Woon. Sarawak adalah salah satu negeri yang paling terkesan sekali disebabkan oleh perubahan rejim. Walaupun pilihan raya DUN tidak diadakan serentak dengan PRU14 tetapi di peringkat parlimen Sarawak tetap bertanding. Dari 31 kerusi yang dipertandingkan, rejim BN Sarawak kehilangan 12 kerusi kepada PH. Walaupun dari segi praktikal, Sarawak masih kekal sebagai negeri yang bernaung di bawah kerajaan BN tetapi beberapa parti tempatan utama seperti Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Rakyat Sarawak (PRS), Parti Demokratik Progresif (PDP), dan termasuk PBB telah mengambil keputusan drastik untuk keluar dari BN. Keempat-empat parti tersebut menubuhkan Gabungan Parti Sarawak (GPS) bagi menggantikan BN.

Menurut pemerhati politik, tindakan menubuhkan GPS itu adalah disebabkan jenama BN itu sendiri yang sudah tercemar[xxiv] dan terpalit dengan segala isu dan skandal politik yang menjadi perbualan masyarakat. Dengan penubuhan GPS ini, mereka berpeluang untuk menjarakkan diri dari BN dan juga mempunyai potensi untuk menjalinkan hubungan politik dengan PH sebagai kerajaan persekutuan. Kejatuhan rejim autoritarian BN memberikan satu impak yang kritikal terhadap proses federalisme. Oleh itu, demi untuk kesinambungan hayat politik mereka di peringkat kenegerian, GPS dijangka akan melakukan beberapa rundingan politik dengan kerajaan persekutuan terutama sekali terhadap projek pembangunan tempatan yang melibatkan kerajaan persekutuan. Tetapi ini bukan lah satu jaminan yang utuh kepada GPS untuk memenangi pilihan raya negeri (PRN) yang dijangkakan akan diadakan pada tahun 2019 atau 2020 nanti kerana kebanyakan penduduk Sarawak mula sedar tentang implikasi kepada setiap undi yang dilontarkan dan juga nilai-nilai sosio-politik yang tersembunyi di sebalik setiap undian itu. Pada pasca-Mei 2018 sehinggalah ke hari, rejim demokratik yang berkuasa mula mengambil tindakan yang tegas terhadap pesalah-pesalah yang terlibat dengan penyelewengan dan sebagainya. Malah beberapa skandal yang melibatkan bekas pemimpin kerajaan terdahulu juga mula dibongkar kembali dan badan penguatkasa seperti PDRM, SPRM, dan LHDN telah diberikan kuasa sepenuhnya untuk mendakwa di mahkamah. Dan penyusunan barisan kabinet yang diketuai oleh Dr. Mahathir juga menguatkan lagi pandangan bahawa proses politik di Malaysia ini menuju ke arah sistem yang telus. Perubahan rejim ini memberikan satu posisi politik yang baru terhadap BN di mana mereka buat pertama kalinya di dalam sejarah menjadi sebahagian daripada parti kepembangkangan di peringkat persekutuan. Untuk mengatakan bahawa rejim autoritarian di Malaysia telah jatuh

sepenuhnya adalah terlalu awal. Seperti contoh di Sarawak, walaupun parti tempatan telah keluar dari kepompong BN tetapi mereka masih lagi mendominasi lanskap politik kenegerian sehinggalah rakyat Sarawak membuat keputusan untuk menggantikan mereka di dalam PRN pada masa akan datang nanti. Di atas kapasiti mereka sebagai parti pembangkang, BN dilihat agak kritikal terhadap polisi-polisi yang dicetuskan oleh kerajaan PH dan proses ini dapat dianalisa dan diukur melalui perubahan gelagat berparlimen pada pasca-Mei 2018. Penerimaan rakyat terhadap parti kepembangkangan terutama sekali UMNO, MCA, dan PAS tidak menunjukkan sebrang tanda-tanda yang positif. Seperti contoh, terdapat beberapa pilihan raya kecil (PRK) telah diadakan seperti di Sungai Kandis, Balakong, Seri Setia, dan Port Dickson sejurus selepas PRU14 berlangsung di mana calon dari kerajaan PH berjaya menafikan kesemua calon dari parti pembangkang yang bertanding. Walaupun terdapat kritikan yang mengatakan bahawa PH gagal melunaskan manifesto pilihan raya mereka namun PH berjaya mengekalkan status quo mereka di dalam setiap PRK yang diadakan. Fenomena kemenangan PH yang konsisten sama ada di dalam PRU ataupun PRK telah memberikan satu alamat yang nyata bahawa majoriti rakyat telah meletakkan kepercayaan politik terhadap PH dengan memilih untuk menjadikan rejim autoritarian sebagai parti pembangkang di dalam persada politik Malaysia. Sungguhpun PRK tersebut berlangsung di dalam sebuah suasana yang bersifat lebih terbuka dan demokratik namun isu-isu yang berbangkit seperti keagamaan dan perkauman masih tidak dapat dipisahkan dan seringkali dipolitikkan. Ini membangkitkan satu persoalan sama ada corak dan tingkah-laku berikut akan berkekalan sehingga ke PRU15 atau pun hanya sekadar di separuh jalan sahaja.

Kesimpulan

Kajian ini memuatkan satu hujahan awal bahawa proses pendemokrasian telah mewujudkan satu sistem politik Malaysia baru dan secara tidak langsung telah mematikan hegemoni rejim autoritarian. Walaupun rejim autoritarian bertindak sepenuhnya dengan mendominasi padang permainan yang tidak rata namun tetap tidak mampu untuk menggugat angin perubahan yang diidamkan oleh majoriti rakyat dan pengundi di Malaysia. Kajian ini juga berpendapat bahawa keputusan PRU14 adalah satu titik permulaan untuk rejim demokratik mempersembahkan prestasi politik yang dituntut dan juga satu titik permulaan untuk pengakhiran rejim autoritarian yang dilihat semakin rapuh. Menurut seorang saintis politik dari Universiti John Cabot, Dr. Bridget Welsh, beliau berhujah bahawa fenomena PRU14 tersebut boleh diperhalusi dengan beberapa naratif iaitu seperti peranan kepimpinan, daya sosio-politik yang meluas, dan kedinamikan proses berkempen.[xxv] Peranan kepimpinan yang dimaksudkan oleh beliau merujuk kepada usaha Dr. Mahathir untuk meraih sokongan yang padu di peringkat akar umbi dan juga keberkesanan beliau untuk memimpin kepartian dan kerajaan baru yang bersifat kepelbagaian masyarakat dan kaum. Walaubagaimanapun jangka hayat kerajaan PH bergantung sepenuhnya terhadap prestasi politik dan pentadbiran yang dipraktikkannya. Jika majoriti rakyat berpuas hati dengan prestasi yang dipersembahkannya maka kemungkinan besar untuk PH mengulangi episod kemenangannya di dalam PRU akan datang nanti lebih cerah dan jikalau PH gagal untuk berbuat demikian, nescaya akan berlaku gelombang perubahan baru melalui peti undi.

---

[i] Autoritarian (authoritarian) adalah satu falsafah politik atau kepercayaan di dalam sistem politik yang menekankan tentang hak dan kuasa dan sebaliknya menafikan kebebasan individu. Dalam erti kata lain, autoritarian bermaksud, pemerintahan 'kuku-besi'. Lihat Abdul Rashid Moten dan El-Fatih A. Abdel Salam, *Glossary of Political Science Terms: Islamic and Western* (Singapore: Thomson, 2005), hlm. 13.
[ii] Lihat Michael J. Sodaro, *Comparative Politics: A Global Introduction* (New York: McGraw-Hill, 2008), hlm. 33.
[iii] Ibid.
[iv] Lihat Gordon P. Means, 'Soft Authoritarianism in Malaysia and Singapore', *Journal of Democracy,* Vol. 7, No. 4, 1996, hlm. 103-117.
[v] Lihat William Case, 'Malaysia's Resilient Pseudodemocracy', *Journal of Democracy,* Vol. 12, No. 1, 2011, hlm. 43-57.
[vi] Ibid., p. 45.
[vii] Andreas Schedler, 'The Menu of Manipulation', *Journal of Democracy*, Vol. 13, No. 2, 2002, hlm. 36-50.
[viii] Ibid., pp. 46-47.

[ix] Steven Levitsky and Lucan A. Way, 'The Rise of Competitive Authoritarianism', *Journal of Democracy,* Vol. 13, No. 2, 2002, hlm. 51-65.
[x] Ibid., p. 52.
[xi] Ibid., p. 53.
[xii] William Case, 'Can the Halfway House Stand? Semidemocracy and Elite Theory in Three Southeast Asian Countries', *Comparative Politics,* Vol. 28, No. 4, 1996, hlm. 437-464.
[xiii] Ibid., p. 449.
[xiv] William Case, 'Malaysia's 2008 General Election: Transition from Single-Party Dominance?', *Malaysian Journal of Democracy and Election Studies,* Vol. Issue. 1, 2013, hlm. 42-75.
[xv] Wong Chin Huat dan Soon Li Tsin, *Democracy At Stake? Examining 16 By-Elections in Malaysia, 2008-2011* (Petaling Jaya: SIRD, 2012), hlm. 55.
[xvi] Lihat Maszlee Malik, 'Rethinking the Role of Islam in Malaysian Politics: A Case Study of Parti Amanah Negara (AMANAH)', *Islam and Civilisational Renewal,* Vol. 8, No. 4, 2017, hlm. 457-472.
[xvii] "Kit Siang: TMI jadi mangsa pemerintahan Najib", *Malaysiakini,* 14 Mac 2016. https://www.malaysiakini.com/news/333736
[xviii] "Final 1MDB report classified as secret", *Free Malaysia Today,* 3 Mac 2016. https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/03/03/final-1mdb-report-classified-as-secret/
[xix] Stephan Giersdorf dan Aurel Croissant, 'Civil Society and Competitive Authoritarianism in Malaysia', *Journal of Civil Society,* Vol. 7, No. 1, 2011, hlm. 1-21.
[xx] Lihat Wan Saiful Wan Jan. "Parti Pribumi Bersatu Malaysia in Johor: New Party, Big Responsibility", *Trends in Southeast Asia,* no. 2, hlm. 1-52.
[xxi] Ong Kian Ming, *The Emergence, Maintenance, and Defeat of Dominant Party Authoritarian Regimes (DPARs),* Disertasi PhD, Universiti Duke, 2010, hlm. iv.
[xxii] Ibid.
[xxiii] Wilson Woon, 'Single Party Dominance in Sarawak and the Prospects for Change', *Contemporary Southeast Asia,* Vol. 34, No. 2, 2012, hlm. 274-295.
[xxiv] Norman Goh, 'Bagaimana GPS akan pandu Sarawak?' *Malaysiakini,* 12 Jun 2018. https://www.malaysiakini.com/news/429489.
[xxv] Temubual penulis melalui emel bersama Dr. Bridget Welsh, Prof. Madya. Sains Politik di Universiti John Cabot, Italy, 18 Mei 2018.